

SULIT  
02/2  
Bahasa  
Melayu  
Kertas 2  
Ogos  
2013  
2 jam

02/2



**MAKTAB RENDAH SAINS MARA**

**PEPERIKSAAN PERCUBAAN  
PENILAIAN MENENGAH RENDAH 2013**

**BAHASA MELAYU**

**Kertas 2**

**2 jam**

**JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU**

1. *Kertas soalan ini mengandungi empat bahagian : Bahagian A, Bahagian B, Bahagian C dan Bahagian D.*
2. *Bahagian A terdiri daripada dua bahagian : Bahagian A (i) dan Bahagian A (ii). Anda dikehendaki supaya menjawab kedua-dua bahagian tersebut. Bahagian B dan Bahagian D juga mesti dijawab. Manakala Bahagian C mempunyai lima pilihan soalan dan anda diminta supaya menjawab satu soalan sahaja.*
3. *Anda dinasihati supaya mengambil masa 40 minit untuk menjawab Bahagian A, 25 minit untuk Bahagian B, 45 minit untuk Bahagian C dan 10 minit untuk Bahagian D.*
4. *Jawapan anda hendaklah ditulis dalam buku jawapan yang disediakan. Sekiranya buku jawapan tidak mencukupi, sila dapatkan helaian tambahan daripada pengawas peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 6 halaman bercetak dan 2 halaman tidak bercetak

**Bahagian A (i) - Ringkasan**

[ 20 markah ]

*Baca petikan di bawah dengan teliti. Berdasarkan petikan tersebut, tulis sebuah ringkasan tentang kepentingan mempelajari sejarah kepada masyarakat. Panjangnya ringkasan anda hendaklah tidak melebihi 80 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal petikan.*

Sejarah merupakan mata pelajaran yang dianggap membosankan sebilangan pelajar pada peringkat menengah atau universiti. Bagi mereka mata pelajaran sejarah merupakan peristiwa silam yang hanya boleh difahami dengan membaca serta menelaah buku. Hakikatnya sejarah amat relevan kerana sejarah mendukung dan membentuk keperibadian sesebuah masyarakat.

Pada masa yang sama kita dapat memahami sejarah negara bangsa kita. Misalnya, sejarah kemerdekaan negara yang dicapai pada 31 Ogos 1957 mencetuskan perasaan untuk mempertahankan negara. Sejarah juga perlu dipelajari secara berterusan untuk membina tamadun bangsa yang gemilang. Contoh yang jelas dapat digambarkan dalam kegemilangan sejarah Islam semasa pemerintahan Khulafah' Al-Rasyidin.

Dengan mempelajari sejarah, generasi muda akan menghargai bakti perjuangan tokoh pada zaman dahulu seperti Datuk Bahaman, Tok Janggut dan Mat Kilau. Belajar sejarah juga amat relevan kerana sejarah menjadi panduan dan iktibar untuk generasi kini dan akan datang. Tambahan pula, ilmu dalam sejarah dapat memupuk semangat patriotisme dalam kalangan masyarakat melalui peristiwa bersejarah seperti Hari Kemerdekaan. Malah sejarah juga mendidik manusia lebih mengerti tentang nilai kemanusiaan seperti nilai keberanian dalam peristiwa Bukit Kepong. Dalam usaha melestarikan warisan budaya sesebuah bangsa, mata pelajaran sejarah ialah wadah yang paling sesuai digunakan. Tidak dapat dinafikan kesaninggalan sejarah masih dapat dilihat sehingga hari ini. Hal ini dikatakan demikian kerana sejarah mempunyai bukti yang konkrit termasuklah artifak, sumber lisan, monumen, surat perjanjian dan manuskrip.

Tuntasnya, kerelevanan sejarah dalam konteks kehidupan manusia tidak dapat disangkal sampai bila-bila kerana sejarah merupakan *peristiwa silam* yang banyak meninggalkan kesan positif serta dikenang sepanjang zaman.

Dipetik dan diubah suai daripada rencana 'Kerelevanan Sejarah',  
Ridzuan Kamis, *Dewan Siswa*, Oktober 2011

SULIT

3

02/2

**Bahagian A(ii) – Pemahaman**

[ 10 *markah* ]


*Berdasarkan petikan Bahagian A(i), jawab soalan-soalan yang berikut dengan menggunakan ayat anda sendiri.*

- 1 Berikan maksud rangkai kata *peristiwa silam*. [2 *markah*]
  
- 2 Berdasarkan petikan, nyatakan **dua** sebab pelajar tidak menyukai mata pelajaran Sejarah. [4 *markah*]
  
- 3 Pada pendapat anda, apakah langkah-langkah yang boleh dilakukan oleh pihak sekolah untuk memupuk minat pelajar mempelajari sejarah? [4 *markah*]

**Bahagian B**

[ 20 markah ]

Rajah di bawah menunjukkan sebahagian daripada langkah-langkah menyayangi alam sekitar. Huraikan pendapat anda tentang langkah-langkah menyayangi alam sekitar. Panjangnya huraian anda hendaklah tidak melebihi 120 patah perkataan.



**Bahagian C**

[ 40 markah ]

**Pilih satu daripada soalan di bawah. Tulis sebuah karangan yang panjangnya lebih daripada 180 patah perkataan.**

- 1 Baru-baru ini anda telah menyertai satu program khidmat masyarakat anjuran sekolah anda.

Ceritakan aktiviti-aktiviti yang anda lakukan semasa program tersebut berlangsung.

- 2 Sempena Hari Koperasi Sekolah, anda akan menyertai pertandingan syarahan bertajuk 'Kebaikan Koperasi Sekolah'.

Sediakan teks syarahan itu selengkapnya.

3

Ibu bapa merupakan orang yang paling penting dalam mencurahkan kasih sayang kepada anak-anak untuk membentuk keluarga bahagia.

Bincangkan pernyataan di atas.

- 4 Orang Kelainan Upaya (OKU) pada hari ini seolah-olah dipinggirkan oleh segelintir masyarakat.

Huraikan langkah-langkah untuk membantu Orang Kelainan Upaya (OKU).

- 5 Peribahasa *bersatu teguh, bercerai roboh* membawa maksud persefahaman dalam masyarakat dapat membuahkan kejayaan manakala perbalahan akan menyebabkan perpecahan.

Tulis sebuah cerita berdasarkan maksud peribahasa tersebut.

SULIT


6

02/2

**Bahagian D**

[ 10 markah ]

*Jawapan anda hendaklah berdasarkan satu daripada novel yang telah anda kaji di Tingkatan 1.*



Berdasarkan senarai novel di atas, huraikan **tiga** pengajaran yang diperoleh daripada novel tersebut.

**KERTAS SOALAN TAMAT**